



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	21/11/2019	MUKA SURAT	: 49
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Hukuman berat terhadap pembunuh gajah

Kota Kinabalu: Mereka adalah pembunuh yang perlu menerima hukuman yang sewajarnya, tegas Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Christina Liew.

Menyatakan kebimbangan dengan insiden membabitkan kematian gajah Pygmy di Sabah sejak kebelakangan ini, Christina berkata pihak yang terbabit wajar dipanggil pembunuh kerana mereka membunuh hidupan liar di negeri ini.

“Saya amat bimbang dan sedih dengan keadaan ini...gajah haiwan yang dilindungi. Sebab itu saya panggil mereka ini pembunuh kerana mereka bunuh hidupan liar.

“Mereka tidak boleh dilepaskan dengan mudah, perlu menerima hukuman setimpal dengan perbuatan yang mereka buat kerana ia tidak baik untuk kelangsungan hidup spesies ini. Jika ia berterusan, kita mungkin akan melihat satu lagi kepupusan mamalia besar di Sabah.

“Saya tidak akan biarkan ia terus berlaku dan perlu dihentikan dengan segera. Kita perlu



Keratan akhbar BH, semalam.

bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan kita tidak membiarkan gajah berdepan nasib yang sama seperti badak sumbu Sumatera yang kini hanya tinggal seekor dan bakal pupus bila-bila masa,” katanya kepada **BH**.

Sambil menegaskan gajah ada-

lah hidupan liar yang menjadi tarikan pelancong, Christina berkata pembunuhan gajah dipandang serius kerajaan malah apa saja membabitkan hidupan liar yang dilindungi, ia adalah kes yang serius.

Sebab itu katanya, kerajaan akan melakukan pindaan un-

dang-undang dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 bagi meningkatkan hukuman terhadap pihak terbabit dalam pembunuhan gajah di negeri ini.

“Langkah itu diambil bagi memperlihatkan keseriusan kerajaan menangani insiden pembunuhan gajah sejak kebelakangan ini. Baru pertama kali ada pelaku yang ditangkap.

“Ini juga adalah kali pertama pelaku ditangkap dalam kes ini tetapi mereka belum lagi dituduh di mahkamah setakat ini, justeru kita masih belum tahu hukuman yang akan dikenakan itu nanti akan memberi kesan kepada aktiviti pemburuan haram.

“Oleh itu, kita akan melaksanakan pindaan yang perlu jika hukuman yang dikenakan oleh mahkamah tidak mempunyai kesan pencegahan,” katanya sambil berharap dengan pelbagai usaha dilakukan kerajaan dapat mengurangkan pemburuan gajah.

Tegasnya, liabiliti juga akan ditetapkan agar apabila berlaku pembunuhan gajah di sesuatu kawasan ladang, pemilik ladang perlu menjelaskan bagaimana keadaan itu boleh berlaku.